

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(64)
Tarikh : 20 Mei 2022

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN BUKIT BENDERA (KAWALAN LALU LINTAS) 2022 BERKUATKUASA 1 JUN 2022

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) akan melaksanakan Peraturan-Peraturan Perbadanan Bukit Bendera (Kawalan Lalu Lintas) 2022 yang telah diwartakan pada 31 Mac 2022 dan akan berkuatkuasa pada 1 Jun 2022.

Pelaksanaan ini bertujuan untuk menyelesaikan beberapa permasalahan trafik yang lama wujud seperti isu kenderaan tanpa permit masuk bagi menggunakan Jalan Jip, bilangan kenderaan yang tidak terkawal, isu servis jip dan *buggy*, insiden kemalangan dan kesesakan lalu lintas di Bukit Bendera setelah menerima aduan dan cadangan daripada penduduk dan pengunjung.

Usaha untuk melaksanakan Peraturan-Peraturan Perbadanan Bukit Bendera (Kawalan Lalu Lintas) 2022 telah dijalankan sejak tahun 2016 bagi memastikan pengurusan trafik yang lebih sistematik dan berkesan di sekitar kawasan puncak Bukit Bendera terutamanya Jalan Jip dan Jalan Tuanku Yahya Petra (*Summit Road*). PBBPP telah mengambil inisiatif mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU), Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut (JDTDTL), Jabatan Taman Botani Pulau Pinang (JTBPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) serta pihak berkepentingan seperti Persatuan Penduduk Bukit Bendera dan peniaga bagi mendapatkan kerjasama dan maklumbalas daripada semua pihak.

Selain itu, PBBPP, JKR dan pihak berkuasa negeri sentiasa bersama menitikberatkan keselamatan semua pihak semasa berada di Bukit Bendera dan berharap dengan perlaksanaan ini, semua pihak yang terlibat dapat bekerjasama bagi memastikan aliran kenderaan yang lebih lancar dan selamat serta selesa digunakan termasuk para pengunjung di Bukit Bendera.

PBBPP akan melaksanakan kawalan secara fizikal dengan pemasangan palang automatik serta pondok kawalan trafik dengan sistem pemantauan CCTV 24 jam di Jalan Jip. Disamping itu, PBBPP akan memastikan terdapat kawalan pengawal keselamatan bertugas di pintu masuk Jalan Jip. Antara usaha lain yang dilaksanakan oleh PBBPP bagi melancarkan trafik di Jalan Jip dan sekitar kawasan atas Bukit Bendera adalah meletakkan papan tanda notis peringatan had laju di sepanjang Jalan Jip, penyediaan kawasan tempat letak kereta dan motorsikal yang terhad, menghad kawasan yang boleh dimasuki, pengubahsuaian segitiga ke bulatan, pemasangan *bollard* ke kawasan tumpuan utama, penetapan waktu bagi meletak dan memunggah barang.

Penggunaan Jalan Jip adalah terhad kepada jabatan atau agensi kerajaan, penduduk, peniaga, pengusaha perkhidmatan jip dan buggy, kontraktor, pembekal atau penganjur program yang mempunyai urusan tertentu di Bukit Bendera. Sebarang penggunaan Jalan Jip haruslah mendapatkan sokongan untuk tujuan daftar permit masuk dari Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kelulusan dari Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang. Selain itu, PBBPP juga bercadang untuk mewujudkan Seksyen Pengurusan Trafik Bukit Bendera bagi membuat pemantau peraturan agar tiada pihak yang menyalahgunakan permit serta melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Borang permohonan permit masuk boleh dimuat di laman sesawang <https://corporate.penanghill.gov.my/index.php/ms/permohonan-permit-masuk-jalan-jip> atau boleh didapati di Pejabat PBBPP (semasa waktu pejabat, kecuali hari Sabtu dan Ahad serta Hari Cuti Am).

PBBPP ingin mengucapkan ribuan terima kasih terutamanya kepada Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU), Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut (JDTDTL), Jabatan Taman Botani Pulau Pinang (JTBPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan pelaksanaan Peraturan-Peraturan Perbadanan Bukit Bendera (Kawalan Lalu Lintas) 2022.

Tambahan lagi, PBBPP berharap dengan pelaksanaan ini dapat meningkatkan tahap keselamatan di Bukit Bendera dan mengurangkan insiden yang timbul sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pada masa yang sama, PBBPP memohon kerjasama semua pihak bagi menjayakan pelaksanaan Peraturan-Peraturan Perbadanan Bukit Bendera (Kawalan Lalu Lintas) 2022. PBBPP juga mengalu-alukan cadangan atau pandangan dari semua pihak bagi menambahbaik sistem sediaada.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-8288880 atau emel ke inquiries@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, hubungi Unit Komunikasi Korporat

Ahmad Aizat bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my

Tan Lee Ling
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
ltan@penanghill.gov.my